

## **Harga makanan mahal di restoran aduan tertinggi**

**SUNGAI BESAR** - Aduan mengenai kenaikan harga makanan di restoran dan warung paling banyak diterima oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia membuktikan rakyat Malaysia yang makan di luar terpaksa membayar pada harga yang tinggi.

"Aduan berkenaan paling tinggi berbanding isu kepenggunaan yang lain," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja di Jeti 3,000 Sungai Besar di sini semalam.

Ditanya kemungkinan berlaku kenaikan harga ikan pada musim

tengkujuh, Saifuddin berkata, setakat ini tiada aduan ketara berhubung perkara tersebut.

"Soal harga adalah aspek hakiki Kementerian dan kita bertindak melalui dua cara iaitu melalui pemantauan serta penguatkuasaan secara berkala.

"Harga ikan juga bergantung kepada jarak bekalan dihantar, selain jenis ikan yang didaratkan. Selain itu, pemahaman kepada sistem bekalan membantu kita mengetahui harga akhir pengguna.

"Misalnya tangkapan mewah (terbanyak) ikan tongkol yang dijual di sini harganya antara RM6 hingga RM7 sekilogram dan harga runcit pada harga RM9 hingga RM10 bergantung kepada saiz, kos pengangkutan dan sebagainya," kata beliau.